

20 APR 2002

Abdullah-Mahathir (Bergambar)

ABDULLAH TERIMA PANGGILAN TELEFON DARIPADA PM

KUALA NERANG, 20 April (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mendapat panggilan telefon daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berada di Tripoli, seketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Padang Terap di sini.

Timbalan Perdana Menteri itu baru berucap selama lima minit apabila mendapat panggilan itu pada pukul 1.40 petang.

Pengiring Abdullah, DSP Kamarul Bahrain menaiki ke pentas dan kelihatan membisikkan sesuatu kepada Abdullah.

"Minta maaf saya terpaksa berhenti sekejap untuk menjawab panggilan telefon daripada Perdana Menteri," katanya ketika berucap di majlis itu.

Timbalan Perdana Menteri kemudiannya beredar ke belakang pentas untuk menjawab panggilan telefon itu dan kembali berucap lima minit kemudian.

"Baru sebut nama Dr Mahathir, dia dah telefon. Panjang sungguh umurnya," katanya.

Sebelum menjawab panggilan telefon itu, Abdullah berucap menyentuh peranan Dr Mahathir dalam membangunkan ekonomi negara termasuklah seperti menubuhkan Permodalan Nasional Berhad (PNB) bagi melibatkan lebih ramai Bumiputera berkecimpung dalam industri saham amanah.

Abdullah turut memaklumkan di majlis itu yang Perdana Menteri membuat panggilan telefon daripada Tripoli, Libya dan sedang bersiap untuk berangkat ke Bahrain.

"Dr Mahathir kirim salam pada semua anggota Umno Padang Terap dan meminta mereka bermesyuarat baik-baik," katanya.

Dr Mahathir kini berada dalam rangka lawatan seminggu ke Mahgribi, Libya dan Bahrain

Dalam ucapannya, Abdullah berkata Malaysia bukanlah negara sekular seperti yang didakwa sesetengah pihak kerana ia mengambil berat soal agama Islam dan kemajuan umat Islam.

Bagaimanapun, pada masa yang sama, kepentingan kaum dan penganut agama lain turut dipelihara.

-- BERNAMA

MAN JM PR